

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025



eISSN 2976-2596



9 7 7 2 9 7 6 2 5 9 0 0 3

LAWATAN AUDIT AKREDITASI PROGRAM (LAAP)

Disediakan oleh: Ts. Linda Abd Hamid

Sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun 2025, UiTM telah melaksanakan sebanyak 19 Lawatan Audit Akreditasi Penuh (LAAP) secara fizikal di kampus induk dan cawangan. Kesemua lawatan ini melibatkan pelbagai peringkat pengajian iaitu Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Pentadbiran Perniagaan, dengan tumpuan kepada bidang perniagaan, kejuruteraan, sains, seni reka, teknologi maklumat, muamalat serta industri kreatif.

Setiap audit dijalankan oleh dua panel penilai luar daripada institusi pengajian tinggi (IPT) berbeza, diiringi pemerhati dalaman serta Ketua Akreditasi InQKA atau Ketua Unit Kualiti Akreditasi (KUKA) yang bertindak sebagai sekretariat. Penilaian ini dilaksanakan berdasarkan piawaian *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*, keperluan *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* dan standard program yang telah ditetapkan.

Dari segi pelaksanaan bulanan, dua program telah diaudit pada bulan Februari 2025 iaitu Sarjana Muda Muamalat (Kepujian) di UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang dan Diploma Sains Geomati di UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau.

Bulan Mac 2025 merupakan bulan paling aktif dengan sembilan program melalui proses penilaian melibatkan pelbagai bidang, antaranya Sarjana Muda Senibina Landskap (Kepujian), Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Higiene Industri dan Keselamatan, Sarjana Muda Sains (Kepujian) Eko-Teknologi, Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Sumber Manusia dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Operasi, Sarjana Eksekutif Sains Pentadbiran, Sarjana Sains Pengurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, serta Sarjana Muda Seni Reka Gerak Kreatif (Kepujian).

Pada bulan April 2025, lima program diaudit iaitu Sarjana Industri Budaya dan Kreatif, Diploma Sains Komputer,

Diploma Keusahawanan Tani, Sarjana Muda Sistem Maklumat (Kepujian) Kejuruteraan Sistem Pintar, serta Sarjana Sains Pengurusan Kejuruteraan Penerbangan. Manakala bulan Mei 2025 menyaksikan audit ke atas program Doktor Pentadbiran Perniagaan di UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani. Pada bulan Jun 2025 pula, tiga program dinilai iaitu Sarjana Sains Kejuruteraan Forensik Infrastruktur di UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh, serta dua program Doktor Pentadbiran Perniagaan masing-masing di UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Kota Bharu dan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

Hasil keseluruhan penilaian menunjukkan bahawa kesemua 19 program yang diaudit berjaya mencapai status Akreditasi Penuh. Panel penilai menekankan kekuatan UiTM dalam menyediakan kurikulum yang relevan dengan keperluan industri, tenaga pengajar yang berkelayakan, serta fasiliti pembelajaran yang mencukupi. Aspek keberkesanan pentadbiran program dan sokongan pelajar turut diiktiraf sebagai komponen yang menyumbang kepada pencapaian pembelajaran (PLO) dan kebolehpasaran graduan.

Pelaksanaan LAAP sepanjang Januari hingga Jun 2025 ini telah memberikan impak yang signifikan. Ia bukan sahaja memastikan tahap kualiti akademik UiTM selaras dengan piawaian COPPA, keperluan MQA dan standard program, malah turut menjamin pengiktirafan program yang secara langsung meningkatkan kredibiliti akademik universiti. Kejayaan ini juga telah meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan termasuk industri, pelajar dan ibu bapa terhadap mutu pendidikan UiTM.

Di samping itu, dapatan audit telah menyediakan asas kepada penambahbaikan berterusan dalam aspek kurikulum, fasiliti, sistem pengajaran dan pentadbiran akademik, sejajar dengan aspirasi UiTM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul dan berkualiti. Lawatan audit akreditasi program yang telah dijalankan diperincikan di dalam Jadual.

Jadual : Program yang telah dijalankan Lawatan Audit Akreditasi Program

Bil.	Nama Program	Tarikh Program	Lokasi Lawatan	Panel Penilai	Jenis Lawatan
1	Sarjana Muda Muamalat (Kepujian)	18 - 19 Februari 2025	UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang	• Dr. Mohd Adib Abd. Muin (UUM) • Prof. Madya Dr. Yahya Mohd Hussin (UPSI)	Akreditasi Penuh
2	Diploma Sains Geomati	24 - 25 Februari 2025	UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau	• Dr. Khairulnizam M. Idris (UTM) • Sr Gs Mohd Zahirudin Mohammed Na'aim (Politeknik Ungku Omar)	Akreditasi Penuh
3	Sarjana Muda Senibina Landskap (Kepujian)	5 Mac 2025	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	• Prof. LAr. Dr. Mohd Ramzi Mohd Hussain (IIUM) • LAr. Ts. Dr. Roziya Ibrahim (UPM)	Akreditasi Penuh
4	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Higiene Industri dan Keselamatan	10 - 11 Mac 2025	UiTM Shah Alam	• Prof. Madya Dr. Mohd Rafee Baharudin (UPM) • Dr. Putri Anis Syahira Mohamad Jamil (UKM)	Akreditasi Penuh
5	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Eko-Teknologi	10 - 11 Mac 2025	UiTM Shah Alam	• Prof. Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim (USM) • Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hazim Mohamad Amini (UMK)	Akreditasi Penuh
6	Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Sumber Manusia	12 - 13 Mac 2025	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	• Dr. Shafazawana Mohamed Tharikh (UniTEN) • Dr. Alawiyah Tengah (UIS)	Akreditasi Penuh

Bil.	Nama Program	Tarikh Program	Lokasi Lawatan	Panel Penilai	Jenis Lawatan
7	Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Operasi	12 - 13 Mac 2025	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	- Prof. Dr. Norlena Hasnan (UUM) - Dr. Nurul Fadly Habidin (UPSI)	Akreditasi Penuh
8	Sarjana Eksekutif Sains Pentadbiran	12 -13 Mac 2025	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	- Dr. Zuliana Azwa Zulkifli (UUM) - Dr. Nur Hairani Abd. Rahman (UM)	Akreditasi Penuh
9	Sarjana Sains Pengurusan Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik	17 Mac 2025	UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	- Prof. Madya Ir. Dr. Md Nazri Othman (UTEM) - Prof. Madya Dr. Siti Rohaida Mohamed Zainal (USM)	Akreditasi Penuh
10	Sarjana Muda Seni Reka Gerak Kreatif (Kepujian)	26 -27 Mac 2025	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	- Dr. Wan Irma Sabrina Idris (UTAR) - Dr. Mohd Ekram Al Hafis Hashim (UPSI)	Akreditasi Penuh
11	Sarjana Industri Budaya Dan Kreatif	8 - 9 April 2025	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	- Prof. Madya Dr. Muhammad Fazli Taib (UPSI) - Dr. Marlenny Deenerwan (UM)	Akreditasi Penuh
12	Diploma Sains Komputer	15 - 16 April 2025	UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	- Prof. Madya. Ts. Dr Hamimah Ujir (UNIMAS) - Dr. Suaini Sura (UMS)	Akreditasi Penuh
13	Diploma Keusahawanan Tani	15 - 16 April 2025	UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	- Prof. Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal (UMS) - Dr. Aryaty Alwie (UPM)	Akreditasi Penuh
14	Sarjana Muda Sistem Maklumat (Kepujian) Kejuruteraan Sistem Pintar	22 - 23 April 2025	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	- Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hilmi Hasan (UTP) - Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed (UUM)	Akreditasi Penuh

Bil.	Nama Program	Tarikh Program	Lokasi Lawatan	Panel Penilai	Jenis Lawatan
15	Sarjana Sains Pengurusan Kejuruteraan Penerbangan	29 - 30 April 2025	UiTM Shah Alam	- Prof. Madya Dr. Fairuz Izzuddin Romli (UPM) - Dr. Nuraliza Norawzi (UniKL)	Akreditasi Penuh
16	Doktor Pentadbiran Perniagaan	28 - 29 Mei 2025	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	- Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad (UUM) - Prof. Madya Dr. Ahmad Zainal Abidin Abd Razak (UPSI)	Akreditasi Penuh
17	Sarjana Sains Kejuruteraan Forensik Infrastruktur	12 - 13 Jun 2025	UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	- Ir. Ts. Dr. Mastura Azmi (USM) - Ir. Dr. Mustaqqim Abdul Rahim (UNIMAP)	Akreditasi Penuh
18	Doktor Pentadbiran Perniagaan	18 - 19 Jun 2025	UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu	- Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad (UUM) - Dr. Mad Ithnin Salleh (UPSI)	Akreditasi Penuh
19	Doktor Pentadbiran Perniagaan	25 - 26 Jun 2025	UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat	- Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad (UUM) - Dr. Mad Ithnin Salleh (UPSI)	Akreditasi Penuh

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا. تقوى. موليا



<https://inqka.uitm.edu.my>



@inqka



@inqkautm



@InQKAUITM



InQKA UITM



@inqkautm6101



@inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003